

25/09/1998

Bekas tentera dilarang sertai himpunan haram

KUALA LUMPUR, Khamis - Kira-kira 330,000 bekas tentera, khususnya ahli Persatuan Bekas Perajurit Malaysia (PBPM) dilarang menyertai sebarang perhimpunan haram anjuran penyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Larangan itu dikeluarkan oleh Ibu Pejabat PBPM dan diedarkan kepada semua 173 cawangan persatuan di seluruh negara. Keputusan itu dibuat dalam mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif PBPM yang bersidang semalam.

Presiden PBPM, Datuk Muhamad Ghani, berkata persatuan yang dipimpin dan dianggotai bekas tentera memandang serius terhadap perkembangan semasa negara, khususnya perbuatan merusuh oleh penyokong Anwar.

Justeru, katanya, persatuan mengambil pendirian melarang bekas tentera terbabit dalam gerakan reformasi kerana tindakan itu boleh menggugat dan mengancam keamanan.

"Sebagai persatuan yang dipelopori bekas tentera, kita lebih mengutamakan keamanan dan kesejahteraan daripada kepentingan lain apatah lagi ia membabitkan persoalan individu.

"Keamanan paling tinggi nilainya bagi sesebuah negara kerana tanpa keamanan dan kestabilan, proses pembangunan tidak dapat dilaksanakan," katanya di sini hari ini.

Muhamad berkata, bekas tentera serta orang ramai mesti mendukung usaha menjaga dan mengekalkan kedaulatan dan ketenteraman negara serta menentang usaha menggugat kerukunan itu.

Jelasnya, semua pihak mesti matang dan bersatu dalam apa juga tindakan bagi memastikan kestabilan negara terpelihara.

"Oleh itu, PBPM mengambi pendirian menyokong penuh tindakan kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usaha menangani isu itu dengan penuh bijaksana," katanya.

(END)